

Mewujudkan kesejahteraan perbandaran

Pengaruh globalisasi bawa kesan peningkatan taraf kualiti kehidupan penduduk

Pembangunan bandar di Malaysia sudah melalui pengalaman perbandaran yang cukup menakjubkan. Jika di negara maju seperti England, Wales dan Amerika Syarikat mengambil masa ratusan tahun untuk mencapai ke tahap melebihi 70 peratus penduduknya mendiami kawasan perbandaran, di Malaysia, ia hanya mengambil masa 60 tahun.

Bandar Kuala Lumpur, Subang Jaya, Pulau Pinang dan Johor Bahru hanya mengambil masa sekitar kurang 60 tahun untuk mencapai kadar perbandaran penduduk melebihi 70 peratus. Keadaan ini akan berkembang secara berterusan sehingga mencapai apa yang dipanggil sebagai wilayah perbandaran mega.

Kesan pembangunan bandar yang pantas

Pembangunan bandar yang begitu pantas ini meninggalkan pelbagai kesan positif dan negatif kepada pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar negara. Pengaruh globalisasi yang begitu kuat melalui pelbagai bentuk, dimensi, dan pola membolehkan berlakunya perkembangan bandar yang diwarnai oleh peningkatan infrastruktur utama seperti perumahan, bangunan komersial, jalan raya dan lebuh raya yang membawa kepada peningkatan taraf kualiti kehidupan penduduk yang mendiami kawasan berkenaan.

Jika diteliti secara lebih mendalam, sebanyak lapan wilayah yang boleh dikategorikan sebagai wilayah perbandaran yang sedang dan akan secara berterusan mengalami pambandaran pesat sekurang-kurangnya untuk tempoh 20 tahun akan datang.

Wilayah itu adalah wilayah perbandaran Kuala Lumpur, Pulau Pinang-Sungai Petani, Johor Bahru-Pasir Gudang-Nusajaya, Kuantan-Pekan, Kemaman-Kuala Terengganu, Kota Bharu-Kuala Krai, Kota Kinabalu-Teluk Sepanggar, dan Kuching-Kota Samarahan.

Perkembangan wilayah perbandaran ini terutama di Kuala Lumpur akan menuju pula kepada pembentukan wilayah perbandaran mega diperluaskan. Kewujudan wilayah seumpama ini akan



Wilayah pembangunan Iskandar.

menuntut kepada satu bentuk dan model pengurusan perbandaran yang baru kerana sifatnya yang begitu kompleks untuk diuruskan dengan menggunakan model dan bentuk pengurusan bandar sedia ada.

Wilayah perbandaran mega Kuala Lumpur

Pembangunan wilayah perbandaran mega Kuala Lumpur melewati sekurang-kurangnya tiga sempadan daerah, wilayah dan negeri. Wilayah perbandaran mega Kuala Lumpur bersempadankan wilayah lembangan Bernam di utara Selangor hingga ke sempadan lembangan Linggi di sempadan Negeri Sembilan dan Melaka.

Kawasan ini diambil kerana berdasarkan pemerhatian selama hampir 15 tahun bahawa proses perbandaran yang berlangsung

dalam tempoh enam dekad yang lampau mengarahkan pergerakan perbandaran itu dalam lingkungan kawasan yang dinyatakan itu. Dalam tempoh tiga dekad mendatang ini, arah pergerakan pembangunan fizikal terkelola di dalam ruang sempadan perbandaran yang dinyatakan.

Justeru, untuk tempoh tiga dekad mendatang, pembangunan perbandaran di negara ini, terutama di lembangan Bernam hingga ke Linggi akan menjadi tumpuan utama pembangunan perbandaran. Pihak perancang dan pentadbir bandar wajar mengalakan seluruh tumpuan wawasan, tekad, strategi dan tindakan untuk membawa bandar di Malaysia untuk mencapai kesejahteraan yang sebaiknya dengan usaha dan upaya untuk mencapai kualiti hidup yang tinggi.

FAKTA NOMBOR

10 juta

orang penduduk Kuala Lumpur menjelang 2020

Pada 2013, jumlah penduduk di wilayah perbandaran mega Kuala Lumpur berjumlah hampir lapan juta orang. Jumlah penduduk ini akan melebihi 10 juta orang menjelang 2020 nanti. Jumlah penduduk ini tidak termasuk jumlah migran yang datang (sama ada secara sah mahupun tidak sah) yang dianggarkan empat juta hingga lima juta orang.

Semua mereka ini menggunakan segala kemudahan tersedia yang sama dengan warga tempatan walaupun mereka tidak pernah diambil kira di dalam sebarang bentuk perancangan perbandaran negara. Jumlah mereka ini amat signifikan dalam menimbulkan sebarang isu dan masalah ekonomi, sosial, alam sekitar hingga budaya terhadap negara.


Sebagai contohnya, dalam isu pengawal keselamatan warga asing yang bekerja di sektor utama

sudah menimbulkan keadaan yang mengusarkan kepada keselamatan warga bandar sendiri. Sebenarnya kita terlalu mudah menyerahkan hal ehwal keselamatan negara dan warga bandar kepada orang asing yang kemudian mengehak selok-belok syarikat atau tempat mereka bekerja.

Begitu juga dengan pengawal keselamatan yang bekerja di taman perumahan yang dengan begitu mudah memanipulasi keadaan sekiranya mereka mempunyai niat atau dalam keadaan terdesak untuk melakukannya.

Sewajarnya satu usaha bersepadu digerakkan dari sekarang untuk mencapai tujuan dan maksud untuk mencapai kesejahteraan warga bandar. Untuk mensejahterakan kehidupan bermasyarakat di bandar utama terutama di wilayah perbandaran mega Kuala Lumpur, satu bentuk *governans* kompleksiti perlu dibangunkan.

Secara asasnya, *governans* merujuk kepada pembuatan keputusan, kawalan dan disebarkan di pelbagai pihak berkepentingan dalam semua institusi berkaitan sama ada formal dan tidak formal. Pada peringkat tempatan *governans* tidak hanya merujuk kepada majlis atau pihak berkuasa semata-mata, sementara pada peringkat persekutuan pula tidak terakluk kepada pihak kerajaan yang memerintah, malah lebih



Jambatan Pulau Pinang.



Segala kemudahan tersedia di Kuala Lumpur.

luas daripada itu.

Peranan *governans* kompleksiti

Justeru, *governans* kompleksiti berperanan melihat dan mentafsirkan fenomena yang berlaku ini dari perspektif yang berbeza berdasarkan kepada aras dan skala fenomena itu berlaku. Misalnya, dari perspektif setempat, *governans* lebih bersifat pelbagai pusat dan bukannya linear dan memerlukan pendekatan berasaskan sistem yang menuntut kepada analisis yang lebih canggih, merentasi kepelbagaian skala, institusi dan pelakunya.

Satu bentuk kerangka, dimensi, malahan sistem *governans* kompleksiti demi menjamin kesejahteraan dan keadilan sosial untuk masyarakat bandar ini wajar difikir direnung, diketengah dan diperdebatkan dengan lebih mendalam terutama yang berkait dengan perspektif dan dimensi yang diambil sebelum sebarang tindakan melalui mekanisme yang sewajarnya diambil untuk menyelesaikan permasalahan yang menyangkut dengan isu terbabit benar-benar dapat dirungkat dan diselesaikan dengan sebaik-baiknya.



Penulis ialah pensyarah kanan/Felo Penyelidik Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM



SHAHARUDIN IDRUS

dinn6358@gmail.com



JACOB L LEW